



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

BERSEMPENA:

**MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH KONVENTSYEN
KUMPULAN INOVATIF DAN KRAETIF (KIK) JABATAN KASTAM
DIRAJA MALAYSIA (JKDM) KALI KE-20 TAHUN 2019**

TEMPAT:

DEWAN UTAMA

**AKADEMI KEPIMPINAN PENGAJIAN TINGGI (AKEPT)
BANDAR ENSTEK, NILAI, NEGERI SEMBILAN.**

TARIKH:

25 SEPTEMBER 2019 | RABU

Terima kasih, Tuan/Puan Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Dato' Azimah binti Abd. Hamid

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan)

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Maher bin Abd Jalil

Timbalan Ketua Pengarah Kastam(Perkastaman/CDN)

Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan)

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Tengah)

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Cukai Dalam Negeri)

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Sabah)

Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat

Pengarah-pengarah Kastam Negeri dan Zon Operasi

Ahli-Ahli Panel KIK

Seterusnya seluruh warga jabatan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Semarak Integriti Kastam, Salam

Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih dan Salam Sayangi

Kastamku: Kastam Bersih.

1. Alhamdullilah segala puji dan syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada malam ini di **Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kali ke-20 tahun 2019** dengan di anugerahkan kesihatan yang baik. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat baginda.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pasukan Urus Setia Induk KIK Ibu Pejabat yang telah memberi komitmen padu dan kerjasama dalam dalam memastikan kelancaran penganjuran **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Kastam Diraja Mallaysia (JKDM) kali ke-20 tahun 2019.**

Dato'/Tuan/Puan, hadirin yang dihormati sekalian.

3. Inovasi adalah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk baru atau produk dan perkhidmatan yang lebih baik. Ini bermakna, setiap organisasi sama ada berasaskan keuntungan atau tidak akan bersaing untuk menghasilkan idea kreatif bagi manfaat organisasi bersama.
4. Kreativiti pula ditakrifkan sebagai proses pemikiran yang mendorong dalam merealisasikan idea baru yang mana ia menuju ke arah yang lebih realiti. Jika dahulu telefon hanya digunakan sebagai alat komunikasi, namun kini telefon bukan sekadar alat untuk berkomunikasi tetapi juga sebagai alat peranti hiburan, internet, kamera dan lain-lain lagi.

5. Perlaksanaan inovasi dilakukan oleh mereka yang berfikiran kreatif dan kritis untuk menjadi peneraju (pioneer) dan meraih peluang maksimum. Cetusan idea baru bukan sahaja dapat menghasilkan teknologi baru, memperbaiki kualiti sesuatu benda atau menyelesaikan masalah, malahan dapat mengubah ketamadunan manusia.
6. Sejak tahun 1991, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) **Panduan Meningkat Mutu Kerja (KMK)** bagi menggalakkan penjawat awam bekerja secara berpasukan. Panduan tersebut menekankan penyertaan anggota kumpulan pelaksana dan memberi fokus kepada aspek penyelesaian masalah di tempat kerja.
7. Kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan Panduan Mengenai **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** pada tahun 2009 sebagai langkah memantapkan keupayaan penjawat awam dari kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan kumpulan pelaksana untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan atau penambahbaikan sesuatu produk maupun perkhidmatan yang boleh memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.
8. Seiring dengan perubahan teknologi dan corak pembangunan negara semakin pesat, jabatan perlu sentiasa mengorak langkah untuk menggunakan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar dan perkhidmatan.

9. Kita perlu berfikir secara luar biasa di luar kotak kelaziman atau "***think in multi-dimensional ways***" untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti iaitu yang dapat memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan.
10. Pada masa yang sama, kita juga perlu terus mengamalkan budaya kerja dengan cepat, tepat dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan awam yang terbaik kepada rakyat.

Dato'/Tuan/Puan, hadirin yang dihormati sekalian.

11. Saya dimaklumkan penyertaan Konvensyen KIK pada tahun ini melibatkan **217 orang peserta** yang terdiri **22 kumpulan**. **12 kumpulan dalam kategori penciptaan** dan **10 kumpulan lagi dalam kategori penambahbaikan**.
12. Usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterapkan dengan lebih pantas dan menyeluruh menerusi **penjanaan lebih banyak idea-idea baharu** untuk pembangunan dan kemajuan jabatan keseluruhannya.
13. Pengurusan tertinggi jabatan menyokong apa jua idea yang di lontarkan oleh setiap warga jabatan. Saya percaya dengan pelaksanaan Konvensyen KIK ini akan dapat mewujudkan **budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh** bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan kepada masyarakat.

14. Saya juga ingin **mengucapkan syabas dan tahniah** kepada semua kumpulan yang bertanding pada Konvensyen KIK pada kali ini atas usaha yang telah dicurahkan serta masa yang digunakan dalam memastikan penghasilan yang baik.
15. Kepada kumpulan yang bakal meraih anugerah pada Konvensyen KIK ini, jadikanlah **pencapaian itu satu inspirasi** untuk terus **menjana idea-idea kreatif** selepas ini bagi meningkatkan lagi prestasi jabatan.
16. Ucapan terima kasih dan **tahniah kepada Bahagian Perancangan Korporat** dibawah kepimpinan Tuan Sharif bin Aziz serta seluruh Ahli Jawatankuasa atas komitmen yang diberi dalam menjayakan Konvensyen KIK kali ke-20 tahun ini.
17. Semoga permuafakatan ini dapat **membuahkan outcome yang konstruktif** ke arah membudayakan inovasi bagi merelisasikan hasrat kerajaan.
18. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif JKDM bagi tahun 2019 ini. Semoga setiap apa yang diusaha akan mendatangkan hasil yang positif ke arah memacu kecemerlangan prestasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

19. Akhir sekali saya sudahi dengan kata-kata daripada seorang usahawan, pencipta dan pengasas jenama Apple iaitu Steve Jobs;

“My job is not to be easy on people. My job is to take these great people we have and to push them and make them even better”

***Sekian, Wabilahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.***

**Dato' Seri Paddy bin Abd Halim
Ketua Pengarah Kastam Malaysia
25 September 2019**